

## Asas tarbiah islam menurut kitab *Taj Al-Salatin* *Islamic Tarbiah based on Taj Al-Salatin*

Open  
Access

Shah Rul Anuar Nordin<sup>1,\*</sup>, Md Akbal Abdullah<sup>1</sup>, Mohd Kasturi Nor Abd Aziz<sup>1</sup>

<sup>1</sup> Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Malaysia

### ARTICLE INFO

#### Article history:

Received 3 September 2019

Received in revised form 15 November 2019

Accepted 20 November 2019

Available 26 December 2019

### ABSTRACT

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti idea tarbiah pengarang kitab *Taj al-Salatin* (1603M) iaitu Bukhari al-Jauhari dalam konteks dunia Melayu Islam. Di Alam Melayu, antara karya terawal yang membahaskan tentang konsep tarbiah menurut perspektif Islam adalah *Taj al-Salatin* (1603M). Karya ini membahaskan 3 perkara pokok iaitu tentang konsep, falsafah, kaedah tarbiah yang merujuk kepada tradisi Islam dan kearifan lokal setempat. Metod analisis isi kandungan dokumen telah digunakan untuk meneliti kitab *Taj al-Salatin*. Melalui hasil dapatan, kitab *Taj al-Salatin* mengemukakan gagasan bahawa tarbiah adalah perkara paling awal dan sangat penting dalam tahap kehidupan seseorang manusia di dunia. Empat bab awal *Taj al-Salatin* adalah berkisar tentang tarbiah Islam iaitu mengenal diri, mengenal Allah s.w.t., dunia hanya sementara serta gesaan supaya selalu ingatkan mati dan ia sekaligus mengisyaratkan kepada kita bahawa proses tarbiah adalah sangat penting untuk melahirkan generasi rabbani. Kaedah atau cara mendidik anak telah dibahaskan dalam Fasal 14. Secara keseluruhannya bolehlah dirumuskan bahawa Bukhari al-Jauhari dilihat mengemukakan idea tarbiah yang bertunjangkan konsep tauhid dan menjunjung tinggi akhlak yang mulia untuk kelangsungan dan kelestarian generasi Islam di Alam Melayu.

*This study aims to identify the author of the idea overreach Taj al-Salatin (1603M), which Bukhari al-Jauhari in Malay Muslim world context. In the Malay world, among the earliest works of the debate about the concept of an Islamic perspective is overreach by Taj al-Salatin (1603M). This paper discusses 3 key areas of concept, philosophy, methodology that refer to Islamic tradition and local wisdom. A document content analysis method was used to study the book of Taj al-Salatin. Through the findings, the book of Taj al-Salatin presents the idea that tarbiah is the earliest and most important part of one's life in the world. The first four chapters of Taj al-Salatin revolve around the Islamic goal of knowing, knowing Allah s.w.t., the world only temporarily and the urge to be constantly reminded of death and at the same time alerting us that the process of tarbalah is very important to the birth of the rabbis. Methods or means of educating children has been debated in Clause 14. The overall it can be concluded that Bukhari al-Jauhari seen overreach submit ideas rooted in the concept of unity and uphold good moral values for the survival and continuity of generations of Islam in the Malay World*

#### Kata kunci

Pemikiran, Tarbiah, Bukhari al-Jauhari,  
*Taj al-Salatin*

Copyright © 2019 PENERBIT AKADEMIABARU - All rights reserved

\* Corresponding author.

E-mail address: [shahrul@uthm.edu.my](mailto:shahrul@uthm.edu.my) (Shah Rul Anuar Nordin)

Thought, Tarbiah, Bukhari al-Jauhari, Taj  
al-Salatin

## 1. Pengenalan

Penulisan ini bertujuan untuk mengeluarkan sudut-sudut pemikiran yang digarap oleh Bukhari al-Jauhari iaitu pengarang kitab *Taj al-Salatin* dalam konteks tarbiah atau pendidikan. Metod kualitatif melalui analisis isi kandungan dokumen akan digunakan untuk meneliti kitab *Taj al-Salatin*. Kajian ini dilihat penting untuk mengenalpasti pemikiran tentang tarbiah Islam pada abad ke 17M.

## 2. Kitab *Taj Al-Salatin* Secara Ringkas

Kitab *Taj al-Salatin* merupakan antara kitab terawal di dunia Melayu Islam Nusantara. Kitab ini ditulis dalam tulisan jawi yang cantik, boleh dibaca dengan jelas dan menggunakan bahasa Melayu klasik. Kandungan isinya cukup tersusun, mengandungi 24 fasal dan didahului dengan mukaddimah atau doksologi [6]. Wrendly, van Esingan/ Eijsinga dan Valentijn amat memuji kitab *Taj al-Salatin* ini. Roorda menyatakan bahawa *Mahkota Raja-raja* (erti bagi *Taj al-Salatin*) sebenarnya bermakna Mahkota segala naskhah Melayu. Menurut Eysinga yang dimuatkan dalam kata pengantar *Taj al-Salatin* terbitan 1827, buku tersebut bukan hanya mahkota bagi segala raja tetapi adalah mahkota bagi segala naskhah Melayu [2].

Selain itu, Muhammad Haji Salleh [6] berpendapat bahawa kitab *Taj al-Salatin* adalah karya pertama dalam sastera Melayu yang membincangkan tentang bab adab, politik dan ketatanegaraan. Dalam karya ini terdapat penerangan secara naratif cara mentadbir berdasarkan contoh raja-raja Islam dan bukan Islam zaman dahulu. Semua karya ketatanegaraan Melayu adalah berteraskan nilai-nilai Islam. Woro Aryandini [8] telah menyatakan bahawa *Taj al-Salatin* adalah sebuah karya sastera keagamaan, sejarah dan ketatanegaraan. Harun Mat Piah [4] dalam mengulas tentang genre sastera ketatanegaraan ini telah menyatakan, walaupun ia masih lagi mengandungi unsur-unsur sejarah, perbahasannya adalah berkisar tentang keterangan secara naratif cara mentadbir sesuatu kerajaan berdasarkan contoh raja-raja zaman dahulu khasnya raja dari Arab dan Parsi.

Secara keseluruhannya, ramai sarjana telah meletakkan *Taj al-Salatin* di dalam kategori sastera penasihat khalifah atau adab ketatanegaraan. Kitab ini sarat dengan ajaran Islam berlandaskan al-Qur'an dan Sunnah, mempunyai perisa Tasawuf yang cukup kuat dan menganjurkan konsep pentadbiran yang berteraskan Islam bagi menegakkan keadilan untuk dinikmati faedahnya oleh sesama manusia di dunia ini. Oleh itu, ia wajar dibaca, dijadikan panduan dan teman kerana Bukhari al-Jauhari menukikkan; "adapun teman yang baik itu kitab inilah dengan sebenarnya yang sediakala sertanya dan sentiasa memberi manfaat padanya dan menjauhkan mudharat daripadanya dan memelihara daripada segala kejahatan adanya" [5].

## 3. Isi Kandungan Kitab *Taj al-Salatin*

Sebuah karya penasihat khalifah biasanya dimulakan dengan bahagian mukadimah. Di bahagian ini, pengarang kitab *Taj al-Salatin* iaitu Bukhari al-Jauhari menyatakan tentang tujuan beliau menulis kitab. Biasanya ia ringkas dan mempunyai doksologi. Selepas mukaddimah terdapat isi penting yang dibahagikan kepada beberapa bab atau fasal. Setiap fasal membicarakan tentang tajuk tertentu mengenai raja, wazir, menteri, pembesar, utusan dan diakhiri dengan bab penutup. Kandungan kitab *Taj al-Salatin* banyak berkisar sekitar kualiti akhlak raja, menteri dan rakyat. Pembahagian isinya adalah seperti berikut:

1. Persoalan tentang agama Islam
2. Tatacara pemerintahan raja
3. Tanggungjawab pembesar
4. Hubungan rakyat dengan pembesar
5. Hubungan rakyat dengan raja dan aspek pendidikan/ ilmu.

Kitab *Taj al-Salatin* ini mempunyai 24 fasal. Kandungan fasal tersebut adalah seperti berikut:

Fasal 1: Berkisar tentang bagaimana manusia mengenal dirinya.

Fasal 2: Menyatakan peri mengenal tuhan.

Fasal 3: Hakikat kehidupan manusia di dunia. Manusia diumpamakan sebagai perantau dan dunia ini hanyalah tempat persinggahan sementara untuk menuju ke alam akhirat yang kekal abadi.

Fasal 4: Menyatakan tentang kesudahan hidup di dunia, setiap orang pasti akan mati. Tidak ada kecuali biarpun seorang raja atau pembesar, mulia atau hina, akan melalui jalan yang sama dan menuju ke tempat yang sama.

Fasal 5: Diterangkan bagaimana kebesaran atau kemuliaan seorang raja, kekuasaan dan kedaulatan kerajaannya.

Fasal 6: Cara menjalankan keadilan. Allah menyuruh manusia berbuat baik dan adil kerana ia adalah asas kedamaian dan keselamatan hidup di dunia.

Fasal 7: Menyatakan sifat raja yang adil. Raja mesti banyak bergaul dengan ulama yang soleh. Bersifat bijaksana dan menjaga rakyatnya daripada ditindas oleh pembesar yang zalim.

Fasal 8: Menyatakan tentang raja yang kafir tetapi adil antaranya Raja Nusyirwan.

Fasal 9: Menyatakan tentang raja-raja yang zalim.

Fasal 10: Menyatakan tentang menteri atau penasihat raja.

Fasal 11: Menyatakan pekerjaan seorang penulis.

Fasal 12: Menyatakan tentang utusan.

Fasal 13: Tentang sifat pegawai.

Fasal 14: Menyatakan cara mendidik anak.

Fasal 15: Menyatakan hemat yang besar.

Fasal 16: Menyatakan budi.

Fasal 17: Menyatakan syarat-syarat sebuah kerajaan.

Fasal 18: Menyatakan tentang qiafah dan firasat.

Fasal 19: Tanda qiafah dan firasat.

Fasal 20: Hubungan antara rakyat beragama Islam dengan rajanya.

Fasal 21: Menyatakan tentang hubungan raja dan rakyat yang kafir.

Fasal 22: Kedermawanan dan kemurahan hati.

Fasal 23: Menyatakan wafa' dan 'ahd.

Fasal 24: Penutup; menyatakan kesudahan kitab ini.

Kitab *Taj al-Salatin* ini mempunyai ciri penulisan kitab yang berasal daripada Parsi umpamanya seperti penggunaan masnawi, ruba'i, ghazzal dan namruz. Ia juga banyak merujuk kepada kitab Parsi seperti *al-Akhlak al-Muhsinin*, *Akhbar al-Muluk* dan *Minhaj al-Salatin*. Secara umumnya, isi kitab *Taj al-Salatin* dapat dibahagikan kepada tiga bahagian, iaitu:

1. Satu bahagian tentang sejarah manusia, dunia dan penciptaannya serta konsep tauhid.
2. Satu bahagian lagi tentang cara mentadbir kerajaan, konsep keadilan dan adab ketatanegaraan.
3. Satu bahagian lagi tentang aspek pendidikan dalam pelbagai ilmu.

Dari sudut komposisi peratusan pula, panduan pemerintahan dan adab ketatanegaraan menyumbang kepada 50% kandungan kitab *Taj al-Salatin*. Selain itu, perkara yang berkaitan dengan agama Islam 17% (sejarah manusia, dunia dan penciptaannya serta konsep tauhid) dan 33% lagi adalah ilmu-ilmu yang pelbagai seperti cara mendidik anak, tentang akal, qiafah dan firasat.

#### **4. Falsafah Tarbiah Kitab *Taj al-Salatin***

Menurut Bukhari al-Jauhari, anak merupakan satu amanah daripada Allah kepada kedua ibu bapa. Peringatan ini jelas ditujukan kepada kita semua. Sesiapa yang diberi anak/ amanah itu diharap tidak mengkhianati amanah tersebut dengan membiarkan mereka hidup tanpa didikan, haluan dan panduan. Anak yang diberi oleh Allah mesti dipelihara, ditarbiah, diberi makan, minum, nafkah dan didikan agama. Ini kerana menurut Bukhari al-Jauhari anak akan menggantikan kedua ibu bapa apabila telah meninggal dunia nanti. Anaklah yang akan memberi imej baik atau buruk kepada kedua ibubapa apabila mereka telah tiada.

Oleh itu anak mesti ditarbiah dengan ilmu agama, iman dan akhlak dengan sebaik-baiknya. Bukhari al-Jauhari mengagaskan supaya setiap insan mesti melalui proses penghayatan, amalan dan mengambil iktibar daripada introspeksi diri, mengenal Allah, sedar hakikat dunia, keduniaan, sentiasa ingatkan mati dan berzikir serta meyakini adanya kehidupan selepas mati yang kekal abadi. Jika nilai-nilai Tasawuf ini melekat dalam roh dan jasad seseorang insan sehingga dewasa pasti hidupnya akan berjaya di dunia dan di akhirat.

#### **5. Konsep Tarbiah Menurut Kitab *Taj al-Salatin***

Pengaruh Tasawuf dalam kitab *Taj al-Salatin* terutama tentang cara mentarbiah anak sangat signifikan. Konsep tarbiah *Taj al-Salatin* adalah seperti berikut:

1. Proses pentarbiahan adalah berdasarkan Sunnah Nabi Muhammad s.a.w dengan memberi ilmu agama dan duniawi, didikan melalui teladan ibu bapa dan memilih persekitaran serta rakan yang baik.
2. Menenal, mencintai, takut dan mengabdikan diri hanya kepada Allah Yang Maha Berkuasa.
3. Menenal diri dan menyedari bahawa jasad tidak memiliki apa-apa, lemah dan hina di hadapan Allah Yang Maha Perkasa.

Empat fasal awal dalam kitab *Taj al-Salatin* menerangkan konsep ini secara tersirat untuk menyediakan mereka menjadi hamba Allah yang sejati di dunia. Persoalan mengenal diri, mengenal Allah, *tazkiyah al-Nafs* atau pembersihan jiwa, zikir dan akhlak mulia ditekankan dalam kitab ini. *Taj al-Salatin* juga menegaskan tentang kepentingan aspek roh atau spiritual seseorang anak. Pentarbiahan dengan ilmu-ilmu agama, membaca al-Quran, zikir dan selalu mengingati mati amat penting bagi seseorang anak untuk menjadi insan yang berjaya di dunia. Antara perkara yang dianjurkan oleh Bukhari al-Jauhari adalah:

Pertama mengenal diri dahulu. Introspeksi diri ini penting untuk kemudiannya melahirkan nilai dan sifat positif dalam roh seseorang anak. Dengan mengenali asal usul diharap seorang manusia itu sekali-kali tidak akan bersifat sombong kerana penciptaan manusia adalah daripada setitis air yang hina kemudian barulah menjadi manusia yang sempurna.

Kedua mengenal Allah yang menjadikan alam semesta. Tahap ini merupakan lanjutan daripada tahap pertama. Bukhari al-Jauhari menegaskan bahawa jika seseorang itu mengenal dirinya dia akan dengan mudah mengenal Allah. Menenal Allah dalam tahap ini bermaksud seseorang itu

mempunyai kesedaran bahawa segala perbuatan, perkataan dan kebijaksanaannya sentiasa dipantau oleh Allah. Mengenal kemahakuasaan Allah juga diperlukan untuk menimbulkan kesedaran bahawa Allah adalah raja bagi segala raja, tuan bagi segala tuan. Ini dapat menyedarkan diri kita bahawa kita adalah hamba yang hina dan tidak mempunyai kekuatan selain kekuatannya. Kesedaran tentang perkara ini dengan sendirinya akan membimbing insan untuk bersifat jujur, tawaduk dan adil.

Ketiga seorang insan harus sedar tentang hakikat hidup di dunia yang sementara. Ilmu yang komprehensif tentang hakikat bahawa hidup di dunia adalah sementara diharap dapat membentuk akhlak dan jati diri insan yang tidak akan terlena dengan dunia dan keduniaan. Mereka harus memilih kehidupan yang kekal abadi di akhirat dan menjauhi sifat tamak, rakus, aniaya dan zalim semasa hidup di dunia.

Keempat seorang insan itu perlu sentiasa ingatkan mati dan kehidupan selepas mati di alam akhirat. Ini kerana semua nyawa pasti akan merasai mati. Apabila seseorang insan sentiasa ingatkan mati, dia tidak akan terlena dengan kehidupan dunia walaupun hidup mewah dan berharta. Harta diletakkan ditapak tangan bukan dalam hati kerana dia yakin bahawa bila-bila masa Allah akan mencabut nyawanya. Seseorang yang sentiasa ingat Hari Kiamat tentu akan menjadikan kehidupan yang sementara ini sebagai tempat pengabdian, menjadi hamba Allah yang sejati dan sentiasa mengharapkan redha serta rahmatNya.

## **6. Cara/ Kaedah Tarbiah Kitab *Taj al-Salatin***

Cara mendidik anak supaya menjadi hamba Allah yang sejati dan berakhlak mulia ditulis dalam bab ke 14 *Taj al-Salatin*. Cara/ kaedah tarbiah anak adalah seperti berikut:

1. Apabila lahir anak itu harus dibersihkan, pakaikan pakaian yang patut, diazankan pada telinga kanan dan diiqamahkan pada telinga kiri.
2. Apabila cukup tujuh hari perlu cukur kepala anak dan memberi jamuan kepada tetamu yang hadir. Namakan anak dengan nama yang baik.
3. Apabila cukup enam tahun perlu disunat, diajar adab kesopanan dan akhlak.
4. Apabila cukup tujuh tahun perlu asingkan tempat tidur daripada ibubapanya dan ajar solat kepada anak.
5. Apabila sampai umurnya 13 tahun disuruh mendirikan solat. Apabila tidak solat perlu dipukul.
6. Apabila sampai umur 16 atau 17 tahun berikan isteri kepadanya.

Setelah itu Bukhari al-Jauhari menyatakan bahawa:

Kemudian maka ia pegang tangannya dan kata, Hai anakku, sudah aku peliharakan kamu dan mengajarkan padamu adab dan ilmu dan berikan bini padamu, maka berlindunglah aku pada Allah taala dari pada kejahatan engkau dalam dunia dan dari pada siksa engkau dalam akhirat [5].

Ibu bapa juga hendaklah memilih orang yang menyusu dan menjaga anak itu orang yang tiada sakit, tidak rosak akhlak, baik adab dan benar kelakuannya. Ini kerana menurut Bukhari al-Jauhari anak itu akan mengikut kelakuan orang yang menyusu dan menjaganya. Apabila anak itu sudah faham kata ibubapa, anak tersebut harus diserahkan kepada orang yang beragama dan takut kepada Allah untuk belajar membaca al-Quran, ilmu syariah dan ilmu yang memberi manfaat. Tidak harus anak itu bergaul dengan orang yang rosak akhlak dan jahat. Mereka hanya digalakkan berkawan dengan orang yang baik keturunan, baik bicara dan suci akhlaknya. Mereka mesti ditarbiah untuk

benci orang yang tiada adab dan memuji orang yang berilmu supaya budak itu mengasihi alim ulama dan membenci orang yang jahil.

## 7. Kesimpulan

Kesimpulannya, konsep tarbiah Bukhari al-Jauhari pada pendapat penulis mempunyai pengaruh al-Ghazali yang banyak menumpukan perhatian kepada pembentukan akhlak seseorang insan berbanding konsep pendidikan di Malaysia sekarang ini lebih menumpukan kepada kecemerlangan akademik sahaja.

Kitab *Taj al-Salatin* mengemukakan gagasan bahawa proses pentarbiahan adalah perkara paling awal dan sangat penting dalam tahap kehidupan seseorang manusia di dunia. Empat bab awal *Taj al-Salatin* adalah berkisar tentang tarbiah Islam iaitu mengenal diri, mengenal Allah s.w.t., dunia hanya sementara serta gesaan supaya selalu ingatkan mati dan ia sekaligus mengisyaratkan kepada kita bahawa proses tarbiah adalah sangat penting untuk melahirkan generasi rabbani. Secara keseluruhannya bolehlah dirumuskan bahawa Bukhari al-Jauhari dilihat mengemukakan idea tarbiah yang bertunjangkan konsep tauhid dan menjunjung tinggi akhlak yang mulia untuk kelangsungan dan kelestarian generasi Islam di Alam Melayu.

## Rujukan

- [1] Agama, Departemen. "Al-Qur'an al-Karim." (1995)..
- [2] Dipodjodjo, Asdi. "TAJUSSALATIN: Naskah Lengkap Dalam Huruf Melayu-Arab Beserta Alih Hurufnya Dalam Latin. cet. 1." *Yogyakarta: Lukman Offset* (1999).
- [3] Al-Jauhari, Bukhari, and Hj Muhammad Taha. *Taj al-salatin*. 1992.
- [4] Piah, Harun Mat. *Kesusasteraan Melayu Tradisional*. Dewan Bahasa dan Pustaka, 2000.
- [5] Hussain, Khalid. *Taj us-salatin: di-usahakan*. Vol. 13. Dewan Bahasa dan Pustaka, 1966.
- [6] Muhammad Haji Salleh (pngr.). 2001. *Taj al-Salatin*. Yayasan Warisan Johor.
- [7] Daulay, Saleh Partaonan. *Taj al-Salatin karya Bukhari Al-Jauhari: sebuah kajian filologi dan refleksi filosofis*. Kementerian Agama RI, Badan Litbang dan Diklat, Puslitbang Lektur dan Khazanah Keagamaan, 2011.
- [8] Woro, Aryandini S. 1997. Lebih Lanjut dengan *Serat Tajusalatin* dalam Hubungannya dengan Kitab *Taj al-Salatin*. *Prosiding Seminar Antarabangsa Kesusasteraan Melayu V*, hlm. 1-7.